

Malaysia, Libya kutuk kekejaman tentera Israel

BH 2 1 APR 2002

TRIPOLI: Malaysia dan Libya menyatakan kebimbangan terhadap keadaan yang semakin buruk di Palestin dan mengutuk sekeras-kerasnya kekejaman tentera Israel di Tebing Barat.

Kedua-dua negara juga menggesa masyarakat dunia mengambil tindakan serta merta bagi memaksa Israel mematuhi semua resolusi Majlis Keselamatan Pertahanan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), termasuk pengwujudan 3 negara Palestin dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara.

Pada masa sama, kedua-dua negara mengutuk sebarang bentuk keganasan dan menekankan keperluan masyarakat antarabangsa mengadakan persidangan antarabangsa bagi mendefinisikan keganasan serta mengenal pasti puncanya.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan pada akhir lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini semalam, Malaysia dan Libya menegaskan komitmen untuk bekerjasama dalam menghapuskan keganasan.

"Kami juga menolak usaha mengaitkan keganasan dengan Islam dan menegaskan adalah menjadi hak sah rakyat dalam memperjuangkan kebebasan dan kemerdekaan," kata kenyataan ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini kelmarin atas jemputan Kol Muammar Gaddafi, dalam rangka lawatan tujuh hari ke tiga negara, bermula dengan Maghribi.

Kelmarin Perdana Menteri

yang tiba dari Maghribi, mengadakan pertemuan tertutup dengan Gaddafi selain bertemu Setiausaha Jawatankuasa Rakyat Libya Imbarak Abdallah El-Sham&h.

Dr Mahathir dan Imbarak juga bersetuju bahawa penyelesaian pertelingkahan dan konflik mesti berdasarkan prinsip dan perundangan antara-bangsa dan tidak berdasarkan tindakan sehalu.

Dalam kenyataan itu juga, Libya menghargai peranan Dr Mahathir dalam menerajui kejayaan Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua pihak menyifatkan lawatan Dr Mahathir membuka lembaran baru dalam kerjasama antara Malaysia dan Libya.

Pada lawatan ini, dua memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani memabatkan kerjasama bidang pendidikan dan teknologi maklumat dan komunikasi (XT).

Memorandum persefahaman bidang teknikal dan pembangunan peluang perniagaan antara Petronas dan Svarikat Minyak Kebangsaan Libya turut ditandatangani.

Menurut kenyataan itu, perbincangan antara Dr Mahathir dan Gaddafi berkisar ke-pada pelbagai isu memabatkan kedua-dua negara, termasuk pada peringkat serantau dan antarabangsa.

"Kedua-dua pemimpin juga bersetuju mengukuhkan hubungan dan kerjasama keseluruhan," kata kenyataan bersama itu.

Dr Mahathir dan Imbarak bersetuju mengukuhkan kerjasama bidang ekonomi, pendidikan, kebudayaan, teknologi, perdagangan dan pelaburan selain terus berusaha mencapai persetujuan berkaitan perjanjian jaminan pelaburan, pelancongan, kebudayaan, ICT, penyelidikan sains, pembangunan prasarana dan petroleum.

Turut dipersetujui, pengukuhan mekanisme perundangan sedia ada bagi meningkatkan kerjasama dalam semua bidang; mengenal pasti peluang pelaburan secara usaha sama di negara ketiga; bekerjasama pada peringkat serantau dan antarabangsa memabatkan isu kepentingan bersama.

Bekerjasama bagi mencapai dunia yang saksama berdasarkan perundangan antarabangsa, keadilan, kesamaan, dan saling hormat-menghormati kedaulatan setiap negara; serta bekerjasama menerusi PBB bagi mengukuhkan peranannya, terutama dalam pasukan pengaman berdasarkan kerangka organisasi itu.

Pemimpin Malaysia dan Libya juga menyokong usaha menangani konflik serantau, kesan negatif globalisasi serta masalah pengedaran dadah dan senjata ringan, memeringi perkauman dan sebarang bentuk fahaman taksub.

Kedua-dua negara menyatakan kesediaan bekerjasama dalam meningkatkan peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Gaddafi juga menerima jemputan Dr Mahathir untuk melawat Malaysia.